

BISKUT HURUF MENINGKATKAN PRABACAAN

Oleh

Felicia Michael
qwyneira@gmail.com

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan membantu menyelesaikan masalah murid-murid yang belum mengenal huruf pada peringkat prasekolah. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf menggunakan doh dalam kalangan murid prasekolah. Subjek kajian ini terdiri daripada empat orang murid-murid prasekolah yang dikenalpasti mempunyai masalah menyebut dan mengenal huruf. Data diperolehi melalui beberapa instrumen kajian seperti ujian pra dan ujian pos, kaedah pemerhatian, senarai semak dan temu bual. Intervensi yang dilakukan ke atas murid prasekolah menggunakan doh untuk membentuk huruf kecil dan menyebut huruf yang mereka bentuk. Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan doh sangat membantu murid-murid prasekolah dalam mengenal dan menyebut huruf kecil. Secara umumnya kajian ini dapat memudahkan tugas guru disamping mampu menimbulkan keseronokan dan pengalaman terhadap murid-murid prasekolah semasa menjalankan aktiviti.

Kata kunci : Penggunaan doh, meningkatkan, mengenal huruf, menyebut huruf, murid prasekolah

ABSTRACT

This action research was carried out with the aim of assisting pupils in solving problem of letter recognition at preschool level. The study was carried out to enhance the skill in identification and saying aloud letters using doh amongst preschool pupils. The respondents for this study comprised four preschool pupils identified having problem with identification and saying aloud letters. Data were obtained through the use of several instruments e.g. pretest, posttest, observation, checklist and interviews. The intervention carried out on pupils were by using dough to form small letters and saying out aloud the letters formed. The findings showed that the use of dough really helped preschool children in recognizing and saying aloud small letters. In general, this study has facilitated teachers' tasks while at the same time able to bring about the joy and experience to preschool pupils while doing the activities.

Key words: Using dough method, enhanced, small letter recognition, preschool pupils

PENGENALAN

Konteks

Menurut Syed Abu Bakar (1994) peringkat prabacaan meliputi kemahiran pengamatan pendengaran, kemahiran pengamatan penglihatan, aktiviti koordinasi psikomotor, latihan menajamkan daya ingatan dan latihan bahasa pertuturan. Prabacaan ialah tahap penyediaan murid-murid untuk membaca dimana guru perlulah menyediakan pengalaman bahasa, iaitu mengenal dan mengecam huruf. Kemahiran asas bahasa seperti kemahiran membaca perlulah dikuasai supaya murid-murid tidak ketinggalan dalam pelajaran. Menurut Jamilah Ahmad (1999) menjelaskan bahawa perkembangan bahasa seseorang kanak-kanak mempunyai pertalian yang rapat dengan pertumbuhan pemikirannya. Oleh yang demikian, pendedahan awal asas bacaan kepada murid-murid perlulah disediakan supaya dapat mengelakkan daripada kanak-kanak yang buta huruf.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Saya adalah guru pelatih yang menjalani program praktikum fasa tiga di Sekolah Kebangsaan Jaya (bukan nama sebenar) selama 12 minggu. Semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran sepanjang praktikum yang lepas, saya mendapati terdapat beberapa orang murid yang tidak memberikan tumpuan semasa sesi pengajaran berlaku. Saya juga mengalami kesulitan dalam merangka aktiviti untuk murid-murid prasekolah terutamanya melibatkan aktiviti membaca. Untuk itu, saya membuat tinjauan dan pemerhatian dan satu masalah telah dikenalpasti yang menjadi punca murid-murid ini tidak berminat untuk belajar. Saya mendapati bahawa antara punca murid-murid yang tidak memberikan tumpuan ialah disebabkan murid-murid tersebut belum lagi menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf. Keadaan ini menyebabkan murid-murid tersebut tidak berminat untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaupun sudah berada di prasekolah selama satu tahun namun masih belum menyebut dan mengenal huruf. Hal ini amat menimbulkan persoalan dan membimbangkan saya. Saya juga kecewa kerana ada murid yang bergantung dengan rakan mereka untuk memberikan jawapan setiap kali diajukan soalan kepadanya. Saya perlu menggunakan kaedah yang sesuai untuk membantu murid-murid ini kerana adalah tanggungjawab saya untuk membimbing mereka supaya murid dapat menguasai prabacaan ini. Oleh sebab itu, saya memberi perhatian tentang masalah murid yang masih belum mengenal huruf dan mahu menambahbaik amalan pembelajaran dan pengajaran saya. Saya sangat mengambil berat terhadap murid yang tidak dapat mengenal huruf ini. Ekoran daripada masalah ini saya telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian tindakan terhadap masalah yang dihadapi agar masalah ini dapat diatasi. Oleh itu saya telah menjalankan kajian tindakan dengan penggunaan doh dalam membantu kemahiran murid prasekolah untuk mengenal huruf ini. Kemahiran mengenal huruf amat penting untuk seorang murid prasekolah sebelum mahir dalam kemahiran membaca.

Fokus Kajian

Setelah mengajar di kelas prasekolah saya menghadapi masalah ramai murid yang masih belum mengenal dan menyebut huruf dengan betul. Menurut Mascle (2006) salah satu cara untuk berjaya dalam membaca perlu mempelajari mengecam huruf. Oleh sebab itu, saya memberi perhatian tentang masalah murid yang masih belum

mengenal huruf. Masalah ini dikenal pasti selepas saya mengadakan satu aktiviti mengecam huruf. Didapati bahawa murid tidak dapat menyebut huruf dengan betul. Ini menunjukkan murid-murid prasekolah belum mengenali huruf. Setelah masalah dikenalpasti, saya telah merangka satu bentuk ujian lisan dalam kalangan murid-murid. Saya telah menggunakan ujian pra, senarai semak dan pemerhatian untuk membantu dalam menyelesaikan dan mendapat maklumat berdasarkan permasalahan yang saya kaji. Berdasarkan ujian pra, saya mendapati Subjek 1 hanya dapat menyebut 19 huruf dan Subjek 2 pula dapat menyebut 21 huruf sahaja. Manakala Subjek 3 pula adalah hanya dapat menyebut 18 huruf dan Subjek 4 pula adalah 16 huruf sahaja. Berdasarkan nota lapangan dan senarai semak, bentuk huruf yang hampir sama mengelirukan subjek. Berdasarkan senarai semak, huruf yang mengelirukan subjek adalah huruf d,h,q,l,n,m,g,b,p dan huruf j. Pendedahan awal asas bacaan kepada murid-murid perlulah disediakan supaya dapat mengelakkan daripada kanak-kanak yang buta huruf. Apabila murid prasekolah mampu menguasai kemahiran prabacaan ini maka memudahkan murid prasekolah untuk mahir membaca.

Objektif Kajian

Objektif Am

Kajian ini dijalankan untuk membantu meningkatkan kemahiran murid prasekolah untuk menyebut dan mengenali huruf kecil melalui penggunaan doh.

Objektif Khusus

Berikut adalah objektif khusus dalam kajian tindakan ini iaitu :

- i. Murid prasekolah dapat menyebut dan mengenali huruf kecil dengan betul.
- ii. Menarik minat murid prasekolah untuk mempelajari mengenali huruf.
- iii. Mengenali pasti kesan menggunakan doh dalam membantu kemahiran murid prasekolah dalam menyebut dan mengenali huruf kecil.
- iv. Menambah baik pengajaran saya melalui penggunaan doh dalam membantu kemahiran murid prasekolah dalam menyebut dan mengenali huruf kecil.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Adakah terdapat peningkatan terhadap kemahiran mengenali huruf kecil dan menyebut huruf dengan betul melalui penggunaan doh?
- Adakah penggunaan doh dapat menarik minat murid prasekolah untuk mempelajari mengenali dan menyebut huruf ?
- Adakah penggunaan doh dalam meningkatkan kemahiran menyebut dan mengenali huruf kecil dapat mengubah amalan pengajaran saya?

PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Saya telah merancang dan melaksanakan menggunakan doh untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh subjek kajian. Kajian Popp (1964) yang dinyatakan dalam Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002) juga menekankan bahawa mengenali abjad dari segi bentuk dan namanya adalah penting pada peringkat

permulaan awal mengenal abjad sebagai peringkat permulaan kanak-kanak belajar membaca. Saya telah memilih menggunakan doh untuk membentuk huruf kecil kerana murid prasekolah berpeluang untuk menguli dan menggentel dan disamping itu murid prasekolah dapat membantu mereka untuk mengingat huruf kecil tersebut disamping untuk menguasai peringkat prabacaan. Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002), adalah penting guru-guru membantu kanak-kanak pada tahap awal membaca untuk membezakan huruf-huruf secara visual dengan menggunakan alat bantu mengajar. Menurut Bustam Kamri (2010) pengajaran abjad atau huruf dalam bentuk kertas tugas atau buku kerja dan apa jua jenis pengajaran formal kepada kanak-kanak tidak memberi kebaikan. Montessori yang dinyatakan dalam Nor Hashimah & Yahya (2003) percaya pengalaman sangat penting dalam pendidikan kanak-kanak. Menurut Froebel dinyatakan dalam Nor Hashimah & Yahya (2003) permainan konstruktif yang melibatkan pergerakan motor halus seperti menggentel dapat memberi peluang kanak-kanak belajar sesuatu dan dapat melibatkan kemahiran manipulatif. Melalui penggunaan doh, menurut National Association For The Education Of Young Children (2005) yang dinyatakan dalam Swartz (2005) membantu kanak-kanak membina kemahiran literasi iaitu dapat pengalaman bernilai. Simbolik dan permainan konstruktif dalam menggunakan doh membolehkan memperkembangkan kebolehan berbahasa. Menurut Swartz (2005) penggunaan doh menyediakan aktiviti yang menarik dan pengalaman yang berharga kepada kanak-kanak dan kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu dengan cepat melalui memanipulasi bahan dimana mereka boleh melihat kesan tersebut di hadapan mereka. Pengalaman kreatif dengan menggunakan bahan seperti penggunaan doh membolehkan kanak-kanak berpeluang mempelajari aktiviti yang mendatangkan banyak manfaat (Swartz, 2005).

Pelaksanaan Tindakan

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh 4 minggu dan saya telah memperuntukkan 30 minit untuk menjalankan intervensi ini. Cara pelaksanaan penggunaan doh adalah saya memperkenalkan huruf terlebih dahulu. Setiap subjek diberikan satu kad huruf dan doh untuk membentuk huruf berdasarkan bentuk huruf yang dipaparkan di kad huruf. Subjek perlu menguli dan menggentel doh untuk membentuk huruf berdasarkan kad huruf tersebut. Kemudian subjek menunjukkan hasil kerjanya dan menyebut huruf yang telah dibentuk olehnya. Setiap minggu subjek diperkenalkan lima atau enam huruf melalui penggunaan doh dalam tempoh empat minggu. Walaubagaimanapun, saya lebih memfokuskan huruf yang belum dapat dicam oleh subjek. Selepas subjek membentuk huruf menggunakan doh, subjek diberi aktiviti mudah untuk mengukuhkan lagi pemahaman serta untuk mengumpul data. Aktiviti yang digunakan adalah guru menunjukkan kad huruf dan murid akan menyebut huruf tersebut. Catatan pemerhatian direkodkan menggunakan nota lapangan supaya dapat melihat perkembangan subjek tersebut. Selepas empat minggu saya membuat ujian pos mengenal dan menyebut huruf untuk tujuan melihat terdapatnya peningkatan antara ujian pra dan ujian pos.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Kajian ini dijalankan dengan melibatkan empat orang murid prasekolah yang terdiri daripada dua orang lelaki dan dua orang perempuan.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya memulakan penyelidikan tindakan saya, saya terlebih dahulu telah mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah seterusnya saya telah menulis surat untuk memohon kebenaran daripada ibu bapa keempat-empat subjek bagi membenarkan subjek terlibat dengan penyelidikan tindakan ini.

Teknik Mengumpul Data

Instrumen yang saya gunakan dalam kajian tindakan saya adalah ujian, pemerhatian, senarai semak dan temubual untuk menghasilkan data deskriptif agar gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian ini diperolehi. Ujian terbahagi kepada dua iaitu ujian pra dan ujian pos mengenal dan menyebut huruf.

Ujian Pra Dan Ujian Pos Mengenal Dan Menyebut Huruf Kecil

Ujian pra diadakan sebelum intervensi dijalankan. Kajian ini dijalankan bagi menilai sejauh mana pencapaian dan kelemahan murid dalam menguasai kemahiran mengecam huruf kecil. Dalam ujian yang dijalankan, saya meminta kanak-kanak tersebut menyebut huruf berdasarkan kad huruf yang ditunjukkan. Ujian pos diberikan kepada subjek kajian setelah proses rawatan selesai dijalankan. Ujian ini sama dengan ujian pra dengan meminta murid prasekolah menyebut huruf berdasarkan kad huruf yang ditunjukkan. Perbezaan pencapaian antara ujian pos dan ujian pra digunakan untuk mengesan kemajuan dan pencapaian murid-murid. Ujian pos dibuat selepas intervensi dibuat iaitu selepas empat minggu.

Pemerhatian

Saya menggunakan pemerhatian tidak berstruktur untuk mengumpul data. Pemerhatian ini dilakukan ketika murid menjalankan sesi pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Tujuannya adalah untuk melihat sama ada subjek dapat menyebut huruf kecil dengan betul ataupun tidak. Segala pemerhatian direkodkan dengan menggunakan nota lapangan.

Senarai Semak

Senarai semak digunakan untuk mengetahui jenis huruf yang belum dikenal oleh subjek dan dapat mengetahui jenis huruf kecil yang menimbulkan kekeliruan. Ini memudahkan saya untuk menganalisis data yang diperolehi. Semua data direkodkan pada borang senarai semak.

Temubual

Temu bual digunakan untuk meninjau persepsi subjek. Temu bual digunakan sebagai kaedah untuk mendapatkan data supaya dapat menjawab persoalan kajian penyelidikan ini. Sebanyak tiga soalan pertanyaan diajukan kepada murid selepas intervensi dijalankan. Saya menggunakan soalan yang ringkas dan berstruktur untuk mendapatkan maklumat daripada mereka. Semasa temubual, saya mengumpul data dengan menulis jawapan subjek kajian pada lembaran soalan yang telah saya berikan.

Teknik Menganalisis Data

Saya menggunakan analisis kandungan untuk menganalisis data yang dikumpul melalui ujian pra, ujian pos, pemerhatian, senarai semak dan temu bual. Bagi ujian

pra dan ujian pos pula saya dianalisis dengan menukarkan kepada bentuk peratusan untuk menerangkan kajian yang telah saya lakukan. Dengan cara membandingkan data-data daripada ujian pra dan ujian pos itu, perkaitan antara data dapat dilihat dengan jelas. Dalam kajian ini data yang dikumpul diproses dalam bentuk peratusan. Formula ini dikira dengan membahagikan bilangan huruf yang dapat dijawab dengan jumlah abjad (26 huruf kecil) dan didarab dengan 100 peratus (%). Ujian pos diberikan kepada subjek kajian setelah proses rawatan selesai dijalankan. Ujian ini sama dengan ujian pra dengan meminta murid prasekolah menyebut huruf berdasarkan huruf kecil yang ditunjukkan. Perbezaan pencapaian antara ujian pos dan ujian pra digunakan untuk mengesan kemajuan dan pencapaian murid-murid. Ujian pos dibuat selepas intervensi dibuat iaitu selepas empat minggu. Pencapaian ujian pos subjek kajian dalam bentuk peratus boleh dilihat dalam jadual 1.

Jadual 1: Peratus Ujian Pos Mengenal dan Menyebut Huruf Kecil

Subjek Kajian	Ujian Pos
Subjek 1	92.30 %
Subjek 2	100 %
Subjek 3	100 %
Subjek 4	88.46 %

Saya juga telah menggunakan skala untuk menilai dan menentukan pencapaian subjek bagi ujian pra dan ujian pos mengenal huruf. Berdasarkan skala gred bagi ujian pos subjek yang mendapat gred A dikatakan telah menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf dengan betul. Berdasarkan jadual 2, Subjek 2 dan Subjek 3 mencapai tahap paling cemerlang kerana dapat mengenal 26 huruf kecil.

Jadual 2: Skala Gred Bagi Ujian Pra dan Ujian Pos Mengenal dan Menyebut Huruf Kecil

Gred	Tahap Pencapaian	Markah	Interpretasi
A	Cemerlang	90-100	Menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf dengan sangat baik.
B	Baik	80-89	Menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf dengan baik
C	Memuaskan	60-79	Masih dalam proses penguasaan kemahiran mengenal dan menyebut huruf.
D	Lemah	30-59	Lemah dalam menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf
E	Sangat lemah	0-29	Sangat Lemah dalam menguasai kemahiran mengenal dan menyebut huruf


Saya juga menganalisis kandungan bagi setiap temu bual. Saya aktif mendengar dan meneliti isi perbincangan dalam sesi temu bual untuk menjaga kesahan data. Saya memetik ungkapan sebenar peserta kajian dan dijadikan data sokongan berhubung dengan soalan kajian. Saya menggunakan soalan yang ringkas untuk

mendapatkan maklumat daripada mereka. Soalan yang digunakan adalah seperti jadual 3 berikut.

Jadual 3 : Soalan Temu Bual

Bil.	Soalan
1.	Jika diberikan peluang, mahukah anda memiliki sendiri doh ini?
2.	Adakah susah menggunakan doh untuk membentuk huruf?
3.	Adakah anda seronok bermain menggunakan doh?

Saya telah menganalisis kandungan nota lapangan bagi setiap sesi pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan. Rajah 4 adalah contoh analisis kandungan nota lapangan. Saya telah membaca nota lapangan saya berulang kali untuk mendapatkan gambaran umum bagi tujuan interpretasi. Saya melabelkan perkara penting bagi memudahkan saya untuk menjawab soalan kajian.



Rajah 4: Sedutan Nota Lapangan (13 April 2012)


Teknik Menyemak Data

Saya telah menggunakan triangulasi kaedah untuk semakan data. Untuk itu, saya hanya memuatkan contoh triangulasi yang saya laksanakan dalam penyelidikan tindakan ini.

Triangulasi Kaedah


Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada subjek kajian yang sama. Subjek kajian saya adalah tetap dan melibatkan empat orang iaitu Subjek 1, Subjek 2, Subjek 3 dan Subjek 4. Namun kaedah yang digunakan adalah berbeza seperti kaedah pemerhatian, temu bual dan senarai semak. Saya telah mendapat maklum balas yang sah dan boleh dipercayai tentang minat murid terhadap penggunaan doh membentuk huruf menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual. Gambar pada Rajah 5 menunjukkan Subjek 4 membentuk huruf menggunakan doh dengan bersungguh-sungguh dan dalam sesi temu bual saya dengannya mengesahkan dia

seronok serta berminat terhadap penggunaan doh membentuk huruf kecil. Rajah 5 menunjukkan triangulasi kaedah pemerhatian dan temu bual.



Rajah 5 : Triangulasi antara kaedah pemerhatian dan temu bual

Saya juga telah membuat triangulasi kaedah iaitu kaedah pemerhatian berdasarkan nota lapangan dan kaedah senarai semak. Berdasarkan nota lapangan dan senarai semak saya mendapati bahawa subjek mengalami kekeliruan huruf terutamanya huruf yang mempunyai sama bentuk. Subjek memberikan jawapan kepada hampir sama bentuk. Contohnya, untuk huruf b subjek menyebut huruf d. Rajah 5 merupakan triangulasi antara senarai semak dan nota lapangan.



Subjek 1 dan Subjek 4 pula keliru dengan huruf yang mempunyai bentuk yang hampir sama. Subjek 1 memberikan jawapan untuk huruf d adalah huruf p. Subjek 4 pula memberikan jawapan untuk huruf b adalah d.

Rajah 5: Triangulasi Antara Kaedah Senarai Semak dan Nota Lapangan

REFLEKSI


Refleksi Dapatan

- Adakah terdapat peningkatan terhadap kemahiran mengenal huruf kecil dan menyebut huruf dengan betul melalui penggunaan doh?

Dapatan ini telah menjawab persoalan kajian. Peningkatan tahap penguasaan murid-murid dalam menyebut dan mengenal huruf kecil sangat penting buat murid-murid kerana akan membantu mereka melangkah peringkat kemahiran membaca. Ini adalah kerana asas awal membaca bermula dengan proses mengenal huruf. Dapatan ini selari dengan kajian Safiah (1990), kanak-kanak hanya boleh membaca selepas mereka mengenal huruf dalam abjad setelah itu mengetahui bunyi suku kata dan barulah mengecam perkataan berdasarkan huruf dan suku kata. Respon positif murid-murid terhadap teknik ataupun kaedah yang diaplikasikan menunjukkan penggunaan doh untuk meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf adalah satu pendekatan yang efektif bagi murid-murid terhadap murid prasekolah. Peningkatan ketara terhadap subjek-subjek menunjukkan intervensi yang dilaksanakan berjaya berdasarkan keputusan ujian pra dan pos. Kefahaman terhadap pengenalan huruf kecil menjadi mudah dengan adanya alat bantuan mengajar serta strategi mengajar yang baik. Bahan pengajaran yang baik akan membantu memperkembangkan kebolehan dan kemahiran subjek di prasekolah. Jika sebelum intervensi, murid tidak dapat mengenal huruf dengan

baik, selepas rawatan menunjukkan perubahan positif murid terhadap kemahiran mengenal huruf kecil.

Ujian pra dan pos, senarai semak, temu bual serta pemerhatian adalah instrumen penting ketika saya mencari data untuk menjawab persoalan ini. Kemahiran menyebut huruf meningkat dengan betul berdasarkan huruf yang ditunjukkan kerana subjek sudah dapat mengenal huruf kecil dengan baik. Menurut Kamarudin (1993), dalam proses membaca, seseorang perlu mengecam atau mengenal lambang dan seterusnya mengaitkan lambang tersebut dengan bunyi sehinggalah boleh diterjemahkan kepada makna perkataan dan ayat. Proses subjek mengenal huruf kecil ketika menggunakan doh secara tidak langsung memberikan latihan membunyikan huruf kepada subjek. Kefahaman itu diperkukuhkan lagi apabila murid perlu menyebut huruf berdasarkan kad huruf yang ditunjukkan. Aktiviti yang berpusatkan murid yang saya jalankan semasa tempoh rawatan berlangsung sangat memberikan pengalaman yang bermakna kepada murid-murid di dalam membantu mereka menyebut dan mengenal huruf kecil dan telah meningkatkan tahap motivasi mereka untuk mempertingkatkan tahap penguasaan mereka. Melalui penggunaan doh, Subjek 2 dan Subjek 3 telah berjaya mengenal 26 huruf kecil manakala Subjek 1 dan Subjek 3 juga mengalami peningkatan dalam mengenal huruf. Rajah 6 menunjukkan perbandingan bilangan huruf yang dapat dikenal berdasarkan ujian pra dan ujian pos.



Rajah 6 : Perbandingan Ujian Pra Dan Ujian Pos Mengenal Dan Menyebut Huruf Yang Ditunjukkan

- Adakah penggunaan doh dapat menarik minat murid prasekolah untuk mempelajari mengenal dan menyebut huruf ?

Selain daripada itu, penggunaan doh dapat menarik minat murid untuk mempelajari mengenal dan menyebut huruf kecil. Aktiviti seperti menguli dan menggentel doh

untuk membentuk huruf dapat menarik minat murid dan murid berasa seronok semasa melakukan aktiviti ini. Hasil daripada temubual saya dengan subjek menunjukkan subjek berasa seronok menggunakan doh untuk membentuk huruf kecil. Safiah (1999), menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi kebolehan mengenal huruf merangkumi persekitaran, personaliti dan motivasi dan merupakan satu kombinasi yang boleh meningkatkan atau menjejaskan kebolehan mengenal huruf. Pencapaian murid-murid di dalam menyebut dan mengenal huruf kecil meningkat kerana motivasi murid-murid semakin bertambah untuk mereka belajar menyebut dan mengenal huruf kecil. Jika dahulu, mereka bosan dengan kaedah pengajaran yang sama, tetapi apabila rawatan diberikan telah berjaya menarik minat mereka dan berusaha bersungguh-sungguh untuk terus belajar mengenal huruf kecil. Ini menunjukkan subjek berasa teruja dan gembira dapat menggunakan doh. Dengan adanya bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran boleh menjadikan aktiviti bertambah menarik kerana dalam prasekolah murid prasekolah suka bermain. Sekiranya mereka berasa seronok dan sudah tentulah mereka berminat untuk belajar. Ini akan memudahkan mereka untuk mengingat apa yang dipelajari. Membentuk huruf menggunakan doh mampu membantu subjek untuk mengenal huruf ini. Ini adalah kerana ini merupakan kali pertama mereka menggunakan doh. Mereka suka menggunakan doh dibuktikan apabila keempat-empat subjek mahu memiliki sendiri doh ini. Ini menunjukkan mereka berminat dan berasa seronok dengan penggunaan doh ini. Menurut Swartz(2005) penggunaan doh menyediakan aktiviti yang menarik dan pengalaman yang berharga kepada kanak-kanak. Selain itu, menyediakan satu aktiviti hands-on yang berharga, pengalaman pembelajaran yang aktif dan membantu pengajaran serta pembelajaran kanak-kanak dalam pelbagai domain iaitu psikomotor, afektif dan kognitif. Jadual 7 menunjukkan catatan temu bual saya dengan subjek yang menunjukkan mereka seronok menggunakan doh.

Jadual 7 : Analisis Temu bual dengan Subjek Kajian

Soalan 1 : Adakah anda seronok bermain menggunakan doh?

Subjek	Respon Subjek
Subjek 1	“Seronok cikgu”.
Subjek 2	“Seronok”
Subjek 3	“Seronok. Boleh buat macam-macam cikgu.”
Subjek 4	“Seronok cikgu.”

Aktiviti ini juga tidak membosankan juga menjadi faktor dalam membantu mereka menguasai kemahiran mengenal huruf kecil. Subjek menyatakan bahawa mereka seronok untuk bermain menggunakan doh dan mahu memiliki sendiri doh tersebut. Ini dapat dibuktikan melalui temu bual saya dengan subjek dalam Jadual 8 dimana subjek mahu memiliki sendiri doh ini.

Jadual 8 : Analisis Temu bual Subjek Kajian

Soalan 2 : Jika diberikan peluang, mahukah anda memiliki sendiri doh ini?

Subjek	Respon Subjek
---------------	----------------------

Subjek 1	“Mahu. Boleh bawa balik ke cikgu?”.
Subjek 2	“Nak cikgu”
Subjek 3	“Nak. Nak main dengan adik”
Subjek 4	“Nak...”

- **Adakah penggunaan doh dalam meningkatkan kemahiran menyebut dan mengenal huruf kecil dapat mengubah amalan pengajaran saya?**

Penyelidikan tindakan berkaitan dengan amalan guru dalam pengajaran dan membolehkan seorang guru bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Melalui kajian tindakan ini dapat mengubah amalan saya dari segi cara mengajar dan menggunakan kaedah atau pendekatan yang bersesuaian serta menarik dengan murid prasekolah. Melalui penyelidikan tindakan ini, saya telah meningkatkan lagi amalan profesional saya untuk menjadi seorang guru yang sentiasa membuat penemuan sendiri terhadap pengaplikasian kaedah dan teknik pengajaran sedia ada. Sebagai contoh, penggunaan doh dalam meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf telah memberi satu ilmu baharu kepada saya tentang kaedah yang boleh digunakan untuk menangani masalah mengenal huruf. Penyelidikan tindakan ini bukan sahaja membantu saya mengatasi masalah murid saya tetapi secara langsung membantu saya memperbaiki diri saya.

Refleksi Penilaian tindakan

Penyelidikan tindakan merupakan ilmu baharu yang saya pelajari dan aplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran semasa menjalani praktikum di sekolah. Dalam penyelidikan tindakan, pengenalan penggunaan doh mampu membantu murid-murid prasekolah didalam mengenal huruf. Pengenalan kaedah ini juga membolehkan saya membuat refleksi berterusan tentang amalan pengajaran saya. Ini merupakan cabaran dan juga satu amalan yang penting sebelum menjadi seorang guru permulaan di sekolah. Pengetahuan yang diperoleh dapat diaplikasikan dan sentiasa bersikap terbuka serta berani melakukan perubahan yangmemberikan manfaat kepada murid-murid. Guru perlu mengenal pasti masalah dan merenung amalan serta ideologi dari perspektif yang luas.Begitu juga dengan saya. Nilai-nilai seperti berfikir terbuka, bertanggungjawab dan berdedikasi perlu dipertingkatkan dan kesimpulannya amalan profesionalisme saya perlu dipertingkatkan lagi.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Penyelidikan tindakan merupakan satu medium yang boleh kita manfaatkan untuk meningkatkan amalan profesional kita. Ini jelas dalam meningkatkan amalan profesional saya dari segi pengajaran kemahiran prabacaan. Hasil penyelidikan juga menyedarkan saya bahawa kemahiran prabacaan yang melibatkan mengenal dan menyebut huruf dengan betul perlu dikuasai dan tidak boleh dipandang ringan. Murid prasekolah perlulah menguasai kemahiran prabacaan ini supaya memudahkannya untuk mahir dalam membaca. Sebagai seorang guru prasekolah, adalah tanggungjawab saya untuk membantu meningkatkan kemahiran prabacaan murid supaya murid prasekolah mahir dalam kemahiran membaca. Kesimpulannya, kajian ini telah meningkatkan lagi amalan profesional saya untuk menjadi seorang

guru yang sentiasa membuat penemuan sendiri terhadap pengaplikasian teknik-teknik pengajaran yang sedia ada. Lantaran itu, penyelidikan tindakan ini bukan sahaja sekadar membantu murid saya dalam meningkatkan kemahiran mengenal dan menyebut huruf malah turut meningkatkan amalan profesional saya sebagai seorang guru.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Untuk cadangan seterusnya, sebaiknya masa intervensi atau rawatan perlu dipanjangkan untuk mendapatkan data yang lebih jitu dan sahih. Tindakan-tindakan intervensi boleh dilaksanakan lebih lama untuk membantu murid meningkatkan kemahiran mengenal huruf kecil dengan lebih baik. Seseorang guru prasekolah yang kreatif harus bijak mempelbagaikan kaedah pengajarannya. Kepelbagaian kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting bagi memastikan murid-murid tidak mudah bosan di samping menarik minat murid-murid pada aktiviti pengajaran. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan agar menambah lagi aktiviti yang lebih pelbagai dan menarik di dalam menggunakan doh.

Selain itu juga, guru boleh menjadikan penggunaan doh ini sebagai satu permainan dalam pengajaran dan pembelajaran agar dapat menarik minat dan tumpuan murid dalam mengajar kemahiran mengenal huruf kecil. Penggunaan permainan dapat meningkatkan kefahaman murid kerana bermain merupakan jiwa murid, murid akan meneroka pengetahuan baru dan akan mendapat pengalaman bersifat "hands-on". Murid secara tidak langsung akan seronok terhadap pengajaran dan pembelajaran guru.

Kajian terhadap kemahiran mengenal huruf perlu diperluaskan kepada huruf besar pada masa akan datang. Murid-murid akan belajar untuk membezakan kedua-dua huruf sama ada huruf kecil dan huruf besar melalui bentuk huruf. Kemahiran mengenal huruf sebenarnya amat penting kepada murid-murid dalam konsep prabacaan. Guru secara tidak langsung dapat memperbaiki sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan datang. Guru seharusnya bertanggungjawab untuk mendedahkan kemahiran tersebut kepada murid-muridnya.

Diharapkan pada kajian yang seterusnya, penggunaan doh ini dapat diperluaskan melalui aplikasi di dalam tunjang-tunjang pembelajaran yang lain seperti tunjang Bahasa Inggeris, Tunjang Sains, Tunjang Perkembangan Fizikal dan Ekstetika supaya menjadikan satu pengajaran lebih menarik dan mempunyai pelbagai fungsi. Kajian ini juga boleh dilanjutkan supaya teknik pengajaran ini dapat diperkembangkan penggunaannya bukan sahaja kepada guru prasekolah tetapi juga ibu bapa murid-murid prasekolah yang juga boleh menggunakan semasa mengajar anak-anak mereka di rumah.

RUJUKAN

- Ai Hong Chen & Noor Suriani Mohamad (2002). Kekeliruan Mengecam Huruf B-D-P-Q Di Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas* 1:46-49
- Bustam Kamri (2010). *Abjad diajar atau tidak diajar*. Diperoleh pada 15 Mac 2012 dari <http://bustamkamri.blogspot.com/2010/07/abjad-diajar-atau-tidak-diajar.html>
- Kamarudin Hj Husin. (1993). *Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Masclé, D. (2006). *Teach your child the alphabet*. Diperoleh pada 15 Februari 2012 dari http://EzineArticles.com/?expert=Deanna_Masclé
- Nor Hashimah & Yahya Che Lah (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Selangor : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Safiah Osman. (1990). *Membaca: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur :Berita Publishing Sdn. Bhd
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali (2011). Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa Dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2):1-15
- Swartz, M.I. (2005). *Playdough : What's standard about it?*. Diperoleh pada 14 Februari 2012 dari www.journal.naeyc.org/about/permissions.asp
- Syed Abu Bakar Syed Akil.(1994).Panduan Mengajarkan Kemahiran Membaca.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jamilah Ahmad. (1999). *Panduan Pengajaran Pemulihan Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdb Bhd.